



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 39/2020 dari 20 September hingga 26 September 2020)


Situasi Demam Denggi menunjukkan penurunan sejak enam minggu lepas iaitu bermula pertengahan bulan Jun sehingga kini. Pada minggu ke-39, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan dengan sebanyak 1,292 kes dilaporkan berbanding 1,361 kes pada minggu sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 69 kes (5.1%). Sebanyak satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-39. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 77,096 kes berbanding 100,553 kes bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan 23.3% () manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 125 kematian berbanding 147 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu pengurangan 22 kematian (15%) **(Lampiran A & C)**.

Sebanyak 29 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-39 berbanding 28 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 69.0% atau 20 daripada 29 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti lima (5) lokaliti hotspot (17.2%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, dua (2) lokaliti hotspot (6.9%) di Negeri Sembilan serta masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Kelantan dan Sarawak (3.5%). **(Lampiran B & D)**.

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 19 kes pada minggu ke-39 dengan sebanyak lapan (8) kes dari Negeri Perak, empat (4) kes dari Negeri Pulau Pinang, tiga (3) kes dari Negeri Kedah, dua (2) kes dari Negeri Kelantan dan dua (2) kes dari Negeri Johor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga

kini adalah sebanyak 2,225 (**Lampiran E**). Bagi surveilans Zika, sebanyak 1,394 sampel darah dan 20 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Seekor nyamuk Aedes betina akan dijangkiti virus Denggi selepas menggigit dan menghisap darah pesakit yang telah dijangkiti oleh virus ini. Apabila nyamuk Aedes ini menggigit individu sihat lain ianya akan menjangkiti individu tersebut dengan virus Denggi. Masyarakat digalakkan menggunakan repelen terutama individu yang telah dijangkiti Demam Denggi bagi mengelakkan gigitan nyamuk dan menghalang penyebaran virus ke individu lain. Disamping menggunakan repelan, penduduk yang tinggal di kawasan wabak perlu menggunakan berbagai kaedah lain untuk mencegah gigitan nyamuk seperti melakukan semburan aerosol di tempat terlindung di dalam rumah, membubuh bahan pembunuh jentik-jentik di tempat berpotensi seperti di kolah air, longkang atau struktur yang menakung air. Penghalau nyamuk elektrik atau lingkaran ubat nyamuk juga boleh digunakan untuk menghalau nyamuk. Selain itu, rumah ibadat seperti masjid/surau, tokong, kuil, gereja dan sebagainya juga perlu dilakukan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk kerana pemantauan di bilik gerakan KKM mendapati sebanyak 17.3% rumah ibadat dijumpai pembiakan Aedes. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
2 Oktober 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 38 dan ke- 39 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 39 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-39 tahun 2020

Lampiran C

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 39/2020
(20 September hingga 26 September 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 39/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 39/2019	
		Minggu Epid 39 (20 September – 26 September 2020)		Minggu Epid 38 (13 September – 19 September 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	2	0	2	0	67	0	261	0
2	Kedah	5	0	8	0	694	0	1,356	5
3	P. Pinang	13	0	26	0	819	2	3,607	9
4	Perak	27	0	21	0	2,439	3	2,389	4
5	Selangor	553	0	524	0	38,365	36	55,773	48
6	WP KL & Putrajaya	150	0	150	0	8,928	7	12,545	8
7	N. Sembilan	40	0	60	0	2,473	8	1,786	7
8	Melaka	91	0	90	0	2,119	6	1,666	6
9	Johor	261	1	279	0	9,247	33	8,588	23
10	Pahang	64	0	61	0	2,552	7	1,882	8
11	Terengganu	7	0	5	0	335	0	472	2
12	Kelantan	36	0	56	0	3,663	6	4,470	6
13	Sarawak	14	0	23	0	1,365	2	1,723	1
14	Sabah	29	0	55	1	3,524	15	4,002	20
15	WP Labuan	0	0	1	0	6	0	33	0
	MALAYSIA	1,292	1	1,361	1	77,096	125	100,553	147

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 39/2020
(20 September hingga 26 September 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 6 Bandar Sri Putra	17	68
2	WPKL	Titivangsa	Desa Tun Hussein Onn (Blok C1-C5)	33	60
3	SELANGOR	H/Langat	Rmh Kedai Jln 15/1 Sek 15 BB Bangi	11	57
4	SELANGOR	H/Langat	Evergreen Scot Pine Bdr Sg Long	10	56
5	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-77b)	32	54
6	SELANGOR	H/Langat	Jln 6/5 Sek 6 BB Bangi	18	52
7	N SEMBILAN	Seremban	Tmn Bukit Margosa (Jln 6 - Jln 18)	16	52
8	WPKL	Kepong	Bandar Manjalara (Menara Manjalara Condo (Blok A,B,C,D,E,F & G)	14	51
9	SELANGOR	H/Langat	Evergreen Park Acorn & Hazel Bdr Sg Long	10	50
10	SELANGOR	Petaling	E1. Sek 7 (Teres E : Jln 7/29-7/35)	21	48
11	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U20 (Fasa 1a Bbsb : Jln 1a/1-9)	12	48
12	SELANGOR	Petaling	E1. Sekn 7 (Kondo Kristal Jln Pualam 7/32)	18	48
13	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Bkt Puchong Bp 1 (Flat Bkt Puchong)	14	48
14	SELANGOR	H/Langat	Appt Sri Ria Taman Sepakat Indah	24	46
15	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel C	9	41
16	SELANGOR	H/Langat	Jln 10,17,19,20,21&22 Tmn Sri Jelok	9	37
17	SELANGOR	Petaling	E2. Sek 20 (Teres B : Jln 20/7-10)	8	37
18	WPKL	Cheras	Pangsapuri Sri Malaysia	9	35
19	SELANGOR	Sepang	Warisan Indah	18	35
20	SELANGOR	H/Langat	Jln Kesuma 5/12,5/12a-5/12f Bdr Tasik Kesuma	13	35
21	SELANGOR	H/Langat	Apt Minang Ria Taman Minang Ria	13	35
22	KELANTAN	K/Bharu	Taman Hj Mat	6	34
23	WPKL	Cheras	Kem Sg Besi (Bilik Bujang Ramd)	10	33
24	SELANGOR	Petaling	E17. Sri Kembangan (Krtrs Polis & Krtrs Bomba)	4	33
25	SELANGOR	H/Langat	Jln 3/23-28,3/35-37 Sek 3 BB Bangi	17	32
26	SELANGOR	Petaling	E6. Bl Pju 10 Apt Lestari	9	31

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
27	SELANGOR	H/Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	10	31
28	SARAWAK	Kuching	Quop Dayak	6	31
29	N SEMBILAN	Seremban	Hijayu 2 Resort Homes (No.207-943)	8	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 39/2020 (26 September 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	Kangar	1	1
2	Kedah	Baling	2	44
		Kota Setar	3	
		Kuala Muda	4	
		Kubang Pasu	3	
		Kulim	26	
		Pendang	2	
		Sik	2	
		Yan	2	
3		P. Pinang	Barat Daya	
	Timur Laut		800	
	Seberang Perai Utara		22	
	Seberang Perai Tengah		39	
	Seberang Perai Selatan		3	
4	Perak	Batang Padang	61	975
		Hulu Perak	3	
		Kampar	165	
		Kerian	1	
		Kinta	568	
		Kuala Kangsar	47	
		Larut, Matang & Selama	113	
		Manjung	13	
		Muallim	2	
		Perak Tengah	2	
5	Selangor	Klang	2	5
		Gombak	1	
		Petaling	2	
6	WPKL & P	Kepong	2	3
		Titiwangsa	1	
7	Johor	Muar	8	9
		Segamat	1	
8	Pahang	Bera	1	2
		Cameron Highland	1	
9	Kelantan	Bachok	5	127
		Kota Bharu	103	
		Kuala Krai	3	
		Machang	2	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	9	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	2	
10	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
JUMLAH			2,225	

